

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HGM 334 Geografi Penduduk

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH [7] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan, sekurang-kurangnya satu [1] soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

BAHAGIAN A

1. Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kemunculan geografi penduduk sebagai satu bidang kajian yang penting.
(25 markah)
2. Bincangkan kritikan-kritikan utama teori peralihan demografi dan sejauh manakah teori ini dapat digunakan untuk menerangkan ciri-ciri kependudukan masa kini.
(25 markah)
3. Bagaimanakah ciri-ciri komposisi penduduk membantu pemahaman perubahan penduduk sesebuah negara.
(25 markah)

BAHAGIAN B

4. (a) Huraikan sekurang-kurangnya lima [5] kaedah mengukur taburan dan kepadatan penduduk.
(10 markah)
- (b) Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan kesesuaian penggunaan kaedah-kaedah ini.
(15 markah)

.../2

5. Bincangkan kesan-kesan urbanisasi terhadap perubahan demografi di Malaysia dari 1970 hingga 1980.

(25 markah)

BAHAGIAN C

6. Huraikan peranan migrasi dalam pembangunan sesebuah negara membangun dan apakah kesannya jika migrasi itu tidak dikawal?

(25 markah)

- 7 (a) Huraikan mana-mana satu model interaksi penduduk dan makanan.

(10 markah)

- (b) Berikan kritikan atau sokongan terhadap aplikasi model itu pada kehidupan masa kini.

(15 markah)

-ooo000ooo-